

# Pembinaan pagar perlu disegerakan

■ AZMAN CHE MAN

**TANAH MERAH** - Isu keselamatan kawasan sempadan di negara ini perlu diberi keutamaan dan diselesaikan segera kerana keadaan sedia ada menyukarkan tindakan penguatkuasaan.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, pembinaan pagar keselamatan termasuk di sepanjang Sungai Golok, Kelantan, yang melibatkan jarak sejauh 126 kilometer harus disegerakan.

Katanya, beberapa syarikat telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) berhubung sistem serta pembangunan fizikal



**Ahmad Zahid diiringi Aloyah (tiga, kiri) dan Makhtar (dua, kanan) melakukan tinjauan sempena lawatan kerja di ICQS Bukit Bunga, Tanah Merah, semalam.**

pagar keselamatan itu.

"Perbincangan diadakan antara KDN, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) serta

Jabatan Parit dan Saliran (JPS) supaya pagar keselamatan dapat dibina di sepanjang Sungai Golok mengikut spesifikasi di-

tentukan JPS," katanya sempena Lawatan Kerja Menteri Dalam Negeri ke Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin

dan Keselamatan (ICQS) Bukit Bunga, dekat sini, semalam.

Hadirsama, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aloyah Mamat; Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan, Datuk Makhtar Mustapha dan Ahli Parlimen Tanah Merah, Datuk Ikmal Hisham Abdul Aziz.

Ditanya kos pembinaan pagar keselamatan itu, Ahmad Zahid berkata, beliau yakin dengan kerjasama pintar antara swasta dan kerajaan, ia mungkin tidak langsung melibatkan kos kepada kerajaan.

"Kos bukan sahaja dilihat dari segi pembangunan fizikal tetapi berapa banyak barang diseludup dan faktor keselamatan juga diambil kira," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, soal kawasan

tanggungjawab di sempadan yang kini diletakkan di bawah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) turut dibangkitkan.

Katanya, ada permohonan supaya penyelarasan dapat dilakukan antara ATM dan agensi penguat kuasa lain terutama dalam pelaksanaan penguatkuasaan bagi buru penyeludup.

"Ada cadangan agar kawasan tanggungjawab ini diberi semula kepada polis dan UPP supaya penguatkuasaan dapat dilakukan disebabkan kuasa perundangan ada pada unit penguat kuasa kami (KDN).

"Saya fikir koordinasi sedemikian harus dilakukan agar penyeludup dan pendatang asing tanpa izin (Pati) tidak gunakan peluang yang ada bagi memboloskan diri dan melakukan penyeludupan," katanya.